

21/11/1999

Kancil baru lebih menawan

SELARAS dengan perkembangan syarikat dan minat yang bertumbuh semula kepada sektor automotif selepas dua tahun muram, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), sekali lagi menampilkan wajah baru Kancil yang nampak lebih menawan, sporty dengan pelbagai ciri yang menyenangkan pemanduan.

Dilabelkan sebagai Kancil yang semakin bijak dan pintar, inilah kali kedua Perodua membuat perubahan wajah Kancil sejak dilancarkan pada 1994.

Sehingga kini Kancil kekal sebagai kereta penumpang terlaris dalam segmen bawah 1000cc. Perodua sebelum ini sudah menyatakan komitmennya untuk membuat perubahan luaran setiap tahun sehingga 2001.

Perodua yakin dengan perubahan wajah luaran dan tambahan spesifikasi dan pelbagai ciri menarik, Kancil akan berupaya memenuhi aspirasi tinggi pengguna kepada sesebuah kenderaan.

Langkah itu juga dilihat selaras dengan matlamat Perodua untuk menjadikan kenderaan keluarannya sebagai kereta rekaan tempatan sepenuhnya selepas tempoh berkenaan.

Seperti yang dikatakan Pengarah Urusan Perodua, Datuk Abdul Rahman Omar, sasaran itu perlu kerana hingga kini syarikat lebih sebagai pemasang kenderaan berikutan pelbagai keputusan berhubung rekaan kereta masih dilakukan rakan kongsi asingnya, Daihatsu. Kancil dengan wajah terbaru ini tampil dengan fabrik tempat duduk yang baru, kemasan pintu, tempat letak tangan yang lebih besar di pintu depan, cermin sisi kawalan elektronik, lampu isyarat rekaan baru, rim sport, jeruji depan baru, kemasan tepi luar dua tona dan spoiler bumbung dengan brek ketiga.

Selain itu paling menarik juga pada pandangan pelanggan adalah perubahan wajah itu tidak disertakan dengan tanda harga yang tinggi. Dengan pelbagai pakej aksesori baru, jangan terperanjat kerana hanya ada sedikit peningkatan harga iaitu antara RM120 hingga RM250 bergantung kepada model dan warna Kancil yang dikehendaki.

Harga Kancil baru sekarang berada dari RM25,138.04 kepada RM25,512.04 bagi model 660cc dan antara RM29,468.52 hingga RM34,362.95 bagi model 850cc.

Seperti yang dikatakan sebagai 'perubahan wajah', Kancil dengan gaya baru ini tidak membabitkan sebarang perubahan enjin dan kuasa. Jadi, mereka yang pernah memandu Kancil tentu maklum dengan kuasanya.

Roda Riong tidak dapat mengulas lanjut kuasa Kancil kerana kami sendiripun belum pernah memandu ujinya.

Tetapi, pembeli Kancil yang ditakrifkan sebagai mereka yang arif membuat pilihan sebuah kenderaan yang ekonomi dan 'bijak' tentu tidak akan membandingkan kuasa pecutan Kancil seperti sebuah kereta besar yang harganya jauh beberapa kali ganda.

Namun sebagaimana, orang ramai sedia maklum termasuk saya sendiri, tidak akan terkejut jika kereta dalam had laju nasional 'dipotong' sebuah Kancil di lebuh raya.

Daripada pemerhatian itu, saya yakin Kancil memang boleh laju (jika mengambil kira nisbah kuasa kepada berat), tetapi saya tak dapat nak komen sama ada bijak atau tidak memandu Kancil yang begitu kecil, lebih daripada had laju (110 kilometer). Tak tahu apa akan terjadi jika sebarang kecemasan terjadi? Saya tidak dapat komen sebab saya sendiri tak pernah memandu Kancil.

Sejak dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Ogos 1994, Perodua sudah memperkenalkan pelbagai model Kancil seperti

EZ, versi otomatis kepada versi 660cc, Kancil Era dan tahun lalu, Kancil 850cc.

Abdul Rahman berkata, wajah baru Kancil itu diunjurkan untuk meningkatkan jualan Kancil di seberang laut. Kancil sudah dieksport ke Brunei, Malta, Cyprus, Mauritius dan United Kingdom. Berbalik kepada Kancil berwajah baru ini, warna solid yang ditawarkan adalah Putih Kristal, Hijau Tropika, Merah Bunga Raya dan metalik, Perak Kilauan.

Perodua turut menawarkan warna metalik baru yang menarik seperti Emas Juita, Biru Samudra, Biru Siber dan Hijau Anggun.

Sehingga kini, sebanyak 48,919 unit Kancil sudah dijual. Perodua berharap Kancil berwajah baru akan meningkatkan jualan kereta itu.

(END)